

# KONGSI PENCAPAIAN TERBARU BIDANG PERUBATAN



**PERASMIAN** Majlis Perhimpunan Sains Bioperubatan Kebangsaan kali ketiga oleh Dr Adeeba (tiga dari kiri).



**NATASHA Nabila**

Universiti Malaya (UM) dipilih tuan rumah Perhimpunan Sains Bioperubatan Kebangsaan kali ketiga, tahun ini.

Program sehari dengan kerjasama Persatuan Bioperubatan Sains UM berlangsung di Fakulti Perubatan Universiti Malaya pada 2 April lalu.

Sempena Hari Makmal Sains Bioperubatan Sedunia, program itu mengumpulkan ahli sains bioperubatan dari seluruh negara untuk berkongsi pencapaian terba-

ru dalam bidang perubatan.

Seramai 44 peserta daripada pelbagai universiti hadir pada program berkenaan, antaranya Monash Universiti, International Medical University, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Newcastle University Medicine Malaysia.

Dekan Fakulti Peruba-

tan Universiti Malaya Prof Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, kerjasama dan jalinan antara universiti penting supaya saintis muda dapat merencanakan pembangunan kajian sains dan kesihatan selain meningkatkan budaya persaingan yang sihat.

“Program ini diharap memberi inspirasi kepada siswazah Sains Bioperubatan daripada universiti awam

(UA) dan swasta memajukan bidang ini di persada dunia.

“Pelbagai informasi terbaru berkaitan bidang sains bioperubatan di dalam dan luar negara dapat ditimba siswazah.

“Secara tidak langsung, ini dapat mengukuhkan hubungan antara mahasiswa daripada pelbagai universiti seluruh negara,” katanya.

Seorang peserta program, Natasha Nabila Mohammed

Shoab dari International Medical University (IMU) turut berkongsi perasaan terujanya menghadiri program ini buat kali pertama.

“Program ini sedikit sebanyak memberi maklumat berkaitan peluang pekerjaan yang ditawarkan untuk graduan Sains Bioperubatan selain dapat mengenali rakan baru daripada pelbagai

universiti,” katanya.

Selain itu, program ini turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti sesi ‘ice breaking’, kuiz dan pameran berkaitan virus Zika dan Ebola. Organisasi lain yang turut hadir menjayakan pameran itu termasuk Majlis Kanser Nasional (MAKNA), BioMedKL, dan ASEAN Association of Clinical Laboratory.